

Pembangunan Institusi Sebagai Faktor Pengeluaran

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Pertumbuhan ekonomi umumnya dikaitkan dengan peningkatan permintaan di dalam ekonomi. Di dalam keadaan keseimbangan, permintaan adalah bersamaan dengan pengeluaran. Pada harga keseimbangan di dalam pasaran, kuantiti yang diminta juga bersamaan dengan kuantiti yang ditawarkan. Maka, pertumbuhan ekonomi juga bermakna peningkatan pengeluaran di dalam ekonomi.

Persoalan yang timbul, yang mana lebih utama di antara peningkatan permintaan atau penawaran untuk pertumbuhan ekonomi? Kita sering disajikan dengan pandangan bahawa peningkatan permintaan adalah perlu untuk pertumbuhan ekonomi. Sudah tentu tiada salahnya dengan pandangan sedemikian. Apabila terdapat peningkatan permintaan, sudah tentu pihak pengeluar akan meningkatkan pengeluaran mereka.

Namun demikian, pengeluaran adalah tertakluk kepada kapasiti yang ada. Di dalam jangka masa pendek kapasiti pengeluaran tidak boleh ditambah. Umpamanya, jika terdapat peningkatan permintaan untuk sayur-sayuran secara mendadak, para petani tidak mampu untuk meningkatkan pengeluaran secara serta merta. Kemungkinan yang akan berlaku adalah para peniaga mengimport sayur-sayuran untuk memenuhi permintaan.

Jika keadaan ini berterusan, ianya akan memberi kesan terhadap harga dan nilai ringgit. Harga berkemungkinan akan meningkat jika harga global lebih tinggi dari harga domestik. Import yang berterusan juga memberi kesan negatif kepada nilai ringgit kerana permintaan untuk ringgit berkurangan berbanding dengan permintaan mata wang dari negara yang diimport. Sudah tentu pengeluaran sayur-sayuran yang diumpamakan di sini boleh di selaraskan di dalam tempoh yang sesuai. Namun jika

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

dilihat kepada pengeluaran untuk keseluruhan ekonomi, ianya tidak semudah itu untuk diselaraskan.

Pengajaran yang perlu diambil di sini adalah kepentingan untuk melihat dari sudut pengeluaran untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Peningkatan permintaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi adalah merujuk kepada situasi jangka pendek. Manakala untuk pertumbuhan ekonomi yang berterusan untuk jangka panjang, peningkatan kapasiti pengeluaran, atau kebolehan pengeluaran adalah penting. Untuk ini memerlukan perancangan jangka panjang yang jitu. Pertumbuhan pengeluaran secara semula jadi tanpa perancangan yang strategik tidak akan mampu untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi, terutama berhadapan dengan persaingan yang hebat dari lain-lain negara.

Persoalan yang perlu diberi keutamaan adalah bagaimana untuk mendapatkan pertumbuhan pengeluaran yang berterusan untuk jangka panjang. Untuk ini kita perlu berbalik kepada apakah faktor-faktor pengeluaran. Faktor pengeluaran kebiasaannya diklasifikasikan kepada empat faktor, iaitu tanah, buruh, modal dan keusahawanan.

Tanah dimaksudkan dengan anugerah semula jadi yang terdiri dari tanah, galian, air dan seumpamanya. Buruh adalah populasi yang tergolong di dalam kategori umur tenaga kerja. Modal adalah barangan atau alat yang digunakan untuk membuat pengeluaran, seperti jentera, kilang dan seumpamanya. Manakala usahawan yang mempunyai daya keusahawanan menggabungkan kesemua faktor untuk membuat pengeluaran.

Modal sering dianggap sebagai faktor terpenting untuk perkembangan ekonomi terutama di peringkat awal atau untuk trajektori atau apa yang dipanggil peringkat pelepasan. Modal adalah “barangan” yang dibina untuk membuat atau membantu pengeluaran. Ini termasuk infrastruktur, teknologi dan seumpamanya di samping jentera yang secara langsung menyumbangkan kepada pengeluaran. Proses pengumpulan modal ini perlu berlaku secara berterusan untuk memastikan kapasiti pengeluaran jangka panjang bukan sahaja mampu untuk memuaskan peningkatan permintaan semasa domestik, namun juga untuk pasaran eksport. Apabila ekonomi semakin

berkembang, peningkatan teknologi menjadi semakin penting untuk meningkatkan kebolehan pengeluaran.

Di peringkat ekonomi yang semakin maju juga, interpretasi modal dan buruh menjadi semakin menarik. Pengumpulan modal lebih tertumpu kepada peningkatan teknologi. Di samping itu, buruh juga dilihat mempunyai komponen modal bukan sahaja tenaga kerja mengikut definisi asas sebagai “buruh”. Ianya dikaitkan dengan pengetahuan, kepakaran serta pengalaman yang dimiliki oleh buruh. Ini biasanya dikenali sebagai modal insan. Mengikut definisi ini, ianya juga merangkumi keusahawanan.

Malaysia kini berada di dalam fasa pembangunan ekonomi yang hampir mencapai negara maju. Maka peningkatan teknologi dan modal insan menjadi semakin penting untuk menjamin kemapanan pertumbuhan ekonomi. Dalam pada itu terdapat satu faktor yang penting tetapi jarang diperkatakan di dalam konteks pembangunan ekonomi, iaitu pembangunan institusi. Pembangunan institusi bolehlah dianggap sebagai faktor terbitan dari lain-lain faktor pengeluaran yang biasa dibincangkan di dalam subjek ekonomi.

Institusi di dalam konteks ini bukan sahaja terdiri dari organisasi formal, tetapi juga termasuk organisasi tidak formal serta susunan sosial tidak formal. Institusi berfungsi sebagai mekanisme untuk interaksi sosial. Institusi formal ditubuhkan dan bertanggungjawab serta berkuasa untuk menjalankan fungsi-fungsi tertentu, seperti jabatan dan agensi-agensi kerajaan.

Organisasi dan susunan sosial tidak formal mencerminkan psikologi, budaya, adat dan tabiat manusia di dalam masyarakat. Berbeza dengan organisasi formal, organisasi dan susunan sosial tidak formal berfungsi melalui undang-undang masyarakat yang tidak tertulis berdasarkan norma dan tradisi masyarakat. Segala bentuk psikologi, budaya, adat dan tabiat masyarakat perlu dipupuk supaya mampu memaksimumkan pulangan ekonomi kepada masyarakat.

Di dalam konteks pembangunan ekonomi, institusi perlu dibangunkan sehingga mampu memanifestasikan penggunaan segala faktor pengeluaran secara optimum. Ini adalah

sumber pembangunan ekonomi yang mapan selari dengan penghambatan untuk mencapai status negara maju yang lebih bererti.